

20/07/2000

Tuduhan kerajaan tidak Islam punca peristiwa

WAWANCARA Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Universiti Malaya, Prof Datuk Dr Firdaus Abdullah (Pengerusi), Pengurus Besar Kanan Berita dan Ehwal Semasa TV3, Chamil Wariya, dan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Khalid Mohd, dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang disiarkan menerusi televisyen malam tadi.

Pengerusi: Perkara utama yang menjadi tumpuan perbincangan ialah peristiwa rompakan senjata di Kem Batalion 304 Askar Wataniah, Grik dan penganiayaan dan kekejaman yang dilakukan perompak itu di Bukit Jenalek, Sauk yang terjadi kira-kira dua minggu lalu. Walaupun semua perompak terbabit ditangkap dan tindakan tidak waras mereka telah ditumpaskan dan keadaan telah aman dan normal kembali, peristiwa di kem tentera di Grik dan Bukit Jenalek, Sauk tidak syak lagi adalah peristiwa yang menggemparkan, membimbangkan dan membingungkan. Tetapi keadaan sekarang sudah pulih kembali dan penjenayah sudah ditangkap, mungkin rasa gempar dan bimbang kita sudah dapat diatasi. Tetapi kita masih lagi berasa bingung dan musykil bila memikirkan pada zaman serba moden dan canggih dengan kemajuan sains dan teknologi yang sangat mengagumkan sekarang, masih terdapat kumpulan yang begitu mudah terpedaya dengan ajaran sesat, tarekat takjud dan tindakan yang tidak waras. Inilah persoalan yang ingin kita kemukakan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

S: Kalau boleh, saya memulakan dengan menanyakan reaksi awal Datuk Seri sebaik saja diberitahu peristiwa itu kira-kira dua minggu lalu dan juga kalau dapat Datuk Seri berikan maklumat perkembangan terakhir mengenai perkara itu.

PM: Yang pertamanya, apabila saya dapat panggilan telefon daripada Datuk Seri Najib Razak yang memberitahu kepada saya bahawa satu kumpulan lebih kurang 15 orang sudah merompak senjata yang begitu banyak daripada kem kita di Grik, saya berasa terkejut kerana ini bukanlah sesuatu yang biasa berlaku di negara kita dan saya khuatir sama ada ini adalah permulaan sesuatu yang lebih besar, iaitu secara terancang akan ada satu pemberontakan di negara kita dan ini mungkin akan membawa banyak kematian, pembunuhan dan sebagainya. Saya amat terkejut kerana ini bukan sesuatu yang biasa berlaku di negara kita.

S: Tindakan merompak senjata ini barangkali yang pertama dalam sejarah negara kita. Kalau boleh, Datuk Seri, memang kita rasa terkejut kemudian, maklumat terakhir macam mana.

PM: Sekarang ini kita dapat mengenal pasti siapa yang melakukannya dan apa tujuan mereka dan mungkin reaksi yang tidak menyenangkan, iaitu ada pihak-pihak yang cuba menimbulkan perasaan benci di kalangan orang bukan Islam juga kepada orang Islam. Ini berlaku di Sarawak, umpamanya, kita sedang mengawasi perkara ini kerana inilah yang kita amat takuti.

S: Jadi rasa terkejut itu boleh dikatakan tidak berasas, Datuk Seri. Tidak berasas kerana kebimbangan Datuk Seri kalau-kalau ini adalah permulaan pemberontakan. Barangkali boleh dikatakan kerajaan sekarang sudah mendapat maklumat terakhir dan mengapa dikatakan tidak berasas.

PM: Ini memang tidak berasas kerana pada mulanya memang kita tidak tahu setakat mana dia akan menjadi buruk.

S: Datuk Seri, barangkali memang rakyat terkejut kerana ini adalah pertama kali dalam sejarah pasca merdeka satu kumpulan merompak kem tentera dan bercadang menggunakan (senjata) untuk menjatuhkan kerajaan dan pemimpinnya. Jadi, Datuk Seri boleh beritahu atau terfikirkah mengapa

benda ini berlaku?

PM: Sekarang ini saya berpendapat ia bermula dengan usaha untuk memburukkan kerajaan, khususnya menuduh bahawa kerajaan ini adalah kerajaan yang tidak Islam dengan tidak ada asas sama sekali. Membuat tuduhan-tuduhan yang sudah tentu akan menimbulkan perasaan marah di kalangan orang Islam yang berharap bahawa negara ini akan mengikuti cara-cara yang mereka anggap sebagai pemerintahan Islam. Jadi (ia) bermula dengan menuduh kerajaan ini tidak Islam.

S: Menurut Datuk Seri tadi, kumpulan ini bertujuan menjatuhkan kerajaan dan pemimpin-pemimpin kerajaan, termasuk Datuk Seri sendiri sebagai Perdana Menteri. Soalan saya ialah apakah kejadian itu berlaku kerana kempen membenci kerajaan yang sedang dilakukan pihak-pihak tertentu?

PM: Ya, berpunca dengan tuduhan bahawa kerajaan tidak Islam, maka untuk mendapat sokongan bagi pihak-pihak tertentu, mereka memulakan kempen membenci kerajaan kononnya tidak Islam. Mereka memupuk perasaan kebencian dan kemarahan ini sejak lama, 20, 30 tahun. Dan dalam jangka masa itu sudah ada orang yang betul-betul berasa benci yang meluap-luap kepada kerajaan. Seperti mana kita tahu, sesuatu yang dipupuk sewaktu kecil akan lekat dan menjadi sebahagian daripada budaya kita apabila kita membesar dan sukar bagi kita untuk menukar pendirian itu atau fahaman itu. Dan perasaan benci ini terdapat berperingkat-peringkat. Ada yang semata-mata membenci tetapi tidak akan membuat apa-apa. Ada yang setakat menolak parti kerajaan dalam pilihan raya tetapi tentu akan ada orang yang terlalu ekstrim, terlalu marah sehingga sanggup untuk menggulingkan kerajaan, sanggup membunuh, sanggup menyeksa sedangkan mereka adalah orang biasa yang bukan pembunuh, bukan kaki menyeksa orang. Tetapi kerana terlalu benci, kebencian yang dipupuk terhadap kerajaan ini sekian lama, mereka sudah sampai kepada tahap yang mereka sanggup membunuh, mengambil tindakan untuk mengguling kerajaan secara kekerasan.

S: Datuk Seri, kumpulan ini mungkin berasa kerajaan yang ada sekarang tidak cukup Islam seperti mana Datuk Seri sebut tadi. Tetapi Islam yang macam mana yang betul untuk kita rakyat Malaysia?

PM: Ya, tuduhan bahawa kerajaan ini tidak Islam mudah. Tetapi kalau kita lihat lebih 50 negara yang dianggap sebagai negara Islam, ahli OIC umpamanya, kalau kita perhatikan tidak ada banyak perbezaan di antara kita dengan mereka. Mereka juga membenar perbuatan-perbuatan kerana keadaan di Malaysia ini kita tahu penduduk kita 40 peratus terdiri daripada bukan Islam. Jadi, kalau kita membuat sesuatu tindakan yang mencetuskan huru-hara dalam negara kita kerana tentangan oleh pihak lain, ini juga dilarang oleh agama Islam. Ini menunjukkan bahawa kita mematuhi ajaran Islam yang berkehendak supaya kita sederhana dalam tiap-tiap sesuatu yang kita buat untuk Islam. Kerana Islam memberi banyak kelonggaran kepada kita mengikut keadaan. Umpamanya, kalau kita sembahyang, kalau kita tidak boleh berdiri tak mengapa kalau kita duduk, tidak boleh duduk tak mengapa, kita tidur (baring), dan juga kalau kita tidak dapat menghadap kiblat, kita masih boleh sembahyang kerana Islam tidak keras dalam menjalankan arahnya melainkan ia mengambil kira keadaan sebenar. Orang Islam yang hidup sebagai minoriti di negara lain tidak boleh membuat banyak perkara yang dikehendakinya tetapi mereka masih Islam kerana mereka membuat amal ibadat dan menunaikan segala yang diwajibkan oleh agama Islam.

S: Nampak satu ironi di sini, ironi dalam tindakan mereka, ironi yang amat menyedihkan. Mereka, maksud saya kumpulan Al-Ma'unah yang terbabit dalam peristiwa di Grik dan Sauk itu, yang mendakwa berjuang untuk menegakkan Islam, kecemerlangan Islam, tetapi tanpa disedari mereka sudah melakukan tindakan yang bercanggah dengan Islam, membuat penganiayaan kepada orang yang tidak berdosa. Jadi di sini, ironinya macam mana untuk kita menyelaraskan sikapnya, dakwaan berjuang untuk Islam tetapi cuba

merosakkan imej dan kepercayaan. Sebab apa yang dilakukan ini dengan disedari atau tidak, imej yang mereka berikan kepada Islam ialah imej militan yang tidak rasional. Ini bertentangan dengan Islam, ini adalah ironi yang saya nampak Datuk Seri.

PM: Ya, apabila seseorang itu terlalu marah walaupun niatnya untuk memperjuangkan sesuatu tetapi dia mungkin menyeleweng daripada kehendak perjuangannya sendiri. Kalau dia berpegang kepada ajaran Islam yang sebenar, mereka akan tahu bahawa mereka tidak harus mengambil tindakan membunuh, menyeksa orang. Orang ini tidak membuat sesuatu apa kepada mereka. Kalau mereka ini terdiri daripada musuh yang menyerang mereka, bunuh mereka, maka mereka berhak melawan. Tetapi orang ini adalah pegawai keselamatan yang menjaga keselamatan mereka dan keselamatan kita juga. Jadi, apabila terlalu marah, mereka tidak lagi patuh kepada ajaran Islam supaya rasional, supaya adil dalam tindakan mereka, supaya sederhana dan sebagainya. Mereka sudah lari daripada ajaran Islam yang sebenar.

S: Datuk Seri, saya ingin mengaitkan perjuangan mereka dengan jihad. Memang kita tahu dalam Islam memang ada jihad tetapi jelas di sini konsep jihad Islam sudah disalahgunakan. Apakah satu jihad dengan merompak senjata kemudian membunuh? Kalau boleh Datuk Seri ulas sedikit mengenai penyalahgunaan jihad di kalangan umat Islam di negara ini.

PM: Kita patut berjihad sebagai orang Islam tetapi dalam keadaan tertentu, dengan tujuan tertentu. Kita tidak boleh halalkan tindakan jenayah kita dengan berkata bahawa ini adalah jihad. Membunuh orang, menyeksa orang yang tidak membuat sesuatu apa pun kepada kita, bukanlah termasuk dalam pengertian jihad. Sebaliknya, memperjuangkan nasib orang Islam, menjayakan mereka, membangunkan mereka... itu adalah satu jihad. Bagi kita, apabila kita cuba melengkapkan orang Islam dengan segala ilmu, segala kecekapan dan kepandaian supaya mereka mampu mempertahankan umat Islam daripada dianiaya dan ditindas oleh orang yang bermusuhan dengan Islam seperti di Bosnia, di Kosovo dan lain-lain, itu adalah jihad.

Tetapi apabila satu kumpulan berlawanan dengan orang Islam lain dan berkata bahawa mereka berjihad, ini tidak kena sama sekali daripada tafsiran jihad. Orang seperti ini, biasanya mereka bermula dengan berkata bahawa walaupun orang itu Islam, tetapi dia sebenarnya tidak Islam, dia adalah kafir. Apabila dia dianggap sebagai kafir, maka mereka anggap darah orang ini sudah dihalalkan bagi mereka. Ini permulaannya, mereka dikatakan berhijrah daripada kumpulan orang Islam. Mereka keluar daripada kumpulan orang ini kerana katanya majoriti orang Islam ini tidak Islam dan merekalah yang Islam. Jadi, kerana ini, oleh kerana mereka Islam dan majoriti ini tidak Islam, maka dihalalkan bagi mereka untuk bertindak kepada orang Islam yang sudah dikafirkan oleh mereka. Dan kita tengok peristiwa ini selalu berlaku apabila kumpulan kecil orang Islam hendak menghalalkan tindakan jenayah mereka terhadap kumpulan orang Islam yang ramai. Maka, mereka bermula dengan berkata orang ini bukan Islam tetapi kafir dan kami boleh bunuh mereka.

S: Datuk Seri, kerajaan sudah melaksanakan penerapan nilai-nilai Islam bagi satu tempoh yang sudah lama. Yang membingungkan saya ialah orang Melayu yang beragama Islam hari ini adalah golongan terpelajar dari segi agama juga. Kenapa mereka bertindak begitu, kenapa mereka masih tertarik kepada ajaran karut dan hal-hal lain yang sesat?

PM: Sementara kerajaan cuba memupuk nilai-nilai Islam, terutama dalam khidmat kerajaan, ada pihak lain yang tidak suka kalau kita menerap nilai Islam, bermaksud bahawa kita menerap nilai seperti beramanah, ikhlas, bertanggungjawab, pegang kepada ikrar, macam-macam nilai yang mulia yang memang pun menjadi nilai Islam. Dan kalau kita menerapkan nilai-nilai ini, nescaya kita akan menjadi satu kumpulan umat yang baik. Mereka ini mempunyai hasrat lain. Kalau orang semua menjadi baik, maka mereka tidak

akan dapat menjayakan hasrat mereka. Sebab itu mereka berusaha untuk menyelewengkan hasrat kerajaan dengan membawa ajaran yang menimbulkan kebencian kepada kerajaan, kononnya inilah nilai Islam. Umpamanya kadang-kadang di kalangan pegawai kerajaan, mereka diberitahu bahawa kerajaan yang mereka menyertai ini tidak Islam, bahkan dianggap sebagai tidak menjalankan hukum-hukum Islam, terutamanya hukum hudud.

Oleh itu, mereka tidak perlu berasa bersalah kalau mereka tidak pegang kepada janji-janji mereka, ikrar mereka untuk berkhidmat dengan kerajaan dan sebagainya. Dan dihalalkan bagi mereka membuat sesuatu yang bertentangan dengan hasrat kerajaan. Dan daripada itu, tumpuan diberi kepada membencikan kerajaan dan untuk berlawan dengan kerajaan. Kalau mereka menjadi golongan yang kecil dan tidak mampu berlawan, sebenarnya maka mereka mencari kuasa ghaib seperti ilmu kebal, boleh mandi minyak, orang tak nampak. Ini semua khayalan, tidak ada dalam Islam ilmu yang semacam ini.

Kita boleh baca ayat Quran tetapi dia tidak memberi kepada kita kebolehan yang lebih daripada yang terdapat kepada nabi sekalipun kerana kita tahu nabi juga cedera dan Saidina Hamzah dibunuh di Jabal Uhud. Jadi, mustahil orang yang ada di Malaysia ini kononnya boleh jadi kebal kerana mereka belajar ilmu. Tujuan mereka mempelajari ilmu ini adalah kerana mereka ingin berbuat sesuatu yang mereka tahu tidak boleh berjaya tetapi mereka perlu kepada satu kuasa yang lebih yang luar biasa. Oleh itu, mereka memberanikan diri mereka tetapi mereka sebenarnya adalah pengecut. Orang yang betul-betul berani adalah orang yang sanggup menghadapi bahaya, merancang bagaimana mengatasi bahaya itu dan mencapai matlamatnya. Tetapi orang ini takut, dia cari untuk menguatkan semangatnya, dia cari kuasa yang lebih daripada yang biasa. Dengan itu kononnya dia berani tetapi dia sebenarnya takut kerana kalau dia sedar dia tak ada kekuatan itu, maka dia tak berani buat apa-apa.

S: Sehubungan dengan masalah tindakan tidak wajar ini Datuk Seri, satu lagi yang ironi, nampaknya mereka memberanikan diri untuk memasuki kem tentera dengan menyedari akibat yang boleh berlaku. Tetapi kemudian tak lama selepas itu mereka melarikan diri ke tempat yang mudah dikepung, ternyata ini satu tindakan yang tidak mempunyai perhitungan sama sekali. Jadi apakah yang mendorong mereka melakukan tindakan tidak waras dan suicidal. Kalau umpamanya jika dia lari ke tempat yang boleh bersembunyi atau dipecahkan kumpulan ... jadi jelas suicidal dan tidak rasional.

PM: Inilah sifat yang ada kepada orang yang percaya kepada kepercayaan yang karut. Mereka beranikan diri kerana kononnya mereka tidak boleh diapa-apakan kerana mereka kebal. Kita tahu orang yang kebal ini dia berani, berani kerana kononnya dia kebal. Dia tidak mengelak daripada diserang oleh orang kerana dia tahu tidak boleh dibunuh. Jadi, kalau orang yang kebal ini dia tak mengelak, dia terus menghadap dan kita tahu daripada sejarah peperangan di Khartoum, umpamanya, apabila orang Darwish ini berpusing ligat sehingga kononnya mereka kebal. Mereka menyerang tentera British dan semuanya ditembak mati kerana kebodohan memikirkan mereka adalah kebal. Demikian juga mereka yang pergi ke Jenalek ini percaya bahawa mereka tidak dapat dilihat oleh orang lain, tidak dapat dilihat oleh tentera. Tentera tidak boleh mendengar apa yang mereka buat, apa yang mereka kata. Tentera tidak boleh tembak mereka, sebab itu mereka tidak mencari tempat yang selamat bagi mereka. Mereka dengan kebodohan, bukan dengan keberanian tetapi dengan kebodohan, mereka mencari satu tempat yang mudah dikepung dan dengan itu mereka ditewaskan. Ini datang daripada khayalan bahawa mereka mempunyai satu kuasa ghaib yang tidak ada pada orang lain.

S: Datuk Seri, saya ingin beralih kepada hubungan Islam dan bukan Islam berikutan apa yang terjadi di Sauk. Mahu tak mahu, kita kena akui bahawa

tindakan penjenayah membunuh dua tebusan yang bukan Islam itu mula menimbulkan keraguan di kalangan bukan Islam. Apakah bila berlaku seperti ini mereka menjadi mangsa? Apakah yang boleh kita tafsir daripada tindakan penjenayah itu dan apakah jaminan kerajaan bahawa hubungan baik Islam dengan bukan Islam di negara ini boleh dikekalkan dan dipertahankan?

PM: Yang pertamanya, mereka ini berpendapat bahawa membunuh orang bukan Islam diizinkan oleh agama Islam. Itu tidak benar. Kita boleh bunuh sesiapa yang bermusuhan dengan kita dan cuba membunuh kita. Orang ini tidak cuba membunuh, mereka hanya menjadi pegawai keselamatan, jadi tidak harus. Kalau dalam peperangan, dalam pertempuran lain, ini bukan pertempuran. Mereka sengaja menangkap dan membunuh, ini lain sekali. Ini ditegah oleh agama Islam. Akibatnya ialah timbul perasaan keraguan di kalangan orang-orang bukan Islam bahawa ada niat orang Islam untuk menganiayai dan membunuh mereka. Ini tidak sihat sebab masyarakat berbilang kaum seperti di Malaysia. Selama ini kerajaan sudah memupuk perasaan muhibah, perasaan persaudaraan di kalangan penduduk pelbagai kaum kerana kita perlu kepada keamanan untuk kesejahteraan hidup semua bangsa di negara kita dan ini sudah kita capai tetapi mereka ini tidak sama sekali menghargai perpaduan kaum yang tercapai dan mereka membuat sesuatu yang mereka tahu akan menimbulkan perasaan tidak senang hati di kalangan orang bukan Islam, kononnya ada orang Islam yang ingin melakukan jenayah terhadap mereka.

S: Datuk Seri, di negara kita ini, hendak mencetuskan pergaduhan adalah satu perkara mudah. Kita cuma perlu lagakan orang ini dengan orang Melayu yang Islam dan yang bukan Islam. Saya tidak dapat bayangkan apa akan berlaku sekiranya ada di antara anggota kumpulan Al-Ma'unah ini terlepas dari Sauk, datang ke Kuala Lumpur dengan segala senjatanya dan mula membuat kacau-bilau di ibu negara. Saya tidak dapat bayangkan apa akan berlaku. Jadi, bagaimana kita hendak mengelak perkara begitu berlaku?

PM: Kalau untuk mengelakkannya, kita perlu bermula daripada mula, iaitu kita perlu menghapuskan usaha untuk menimbulkan kebencian yang tidak berasas ini. Saya tidak faham kenapa benci kepada kerajaan, benci kepada pemimpin kerajaan sehingga mereka tidak boleh berfikir secara waras. Itu permulaannya. Sudah tentu kerajaan bertanggungjawab untuk menjaga keamanan dan untuk ini, kita mempunyai peralatan dan persediaan yang cukup. Tetapi pada masa yang sama, kita perlu memberi penjelasan kepada rakyat daripada semua kaum, semua keturunan, semua agama bahawa kerajaan ini tidak akan membenarkan segala perbuatan yang seperti ini berlaku di dalam negara kita. Kalau ianya berlaku, maka kita akan ambil tindakan yang sewajarnya supaya dia dapat dibanteras dan tidak akan berlaku lagi.

S: Betulkah Datuk Seri laporan bahawa beberapa orang daripada anggota kumpulan itu memang terlepas, berada di Kuala Lumpur dan memang pun sudah berusaha untuk mencetuskan kekacauan?

PM: Mereka sebenarnya bukan terlepas. Kita mendapat maklumat ini awal, iaitu sekumpulan tiga atau lima orang sudah membawa satu senjata, iaitu M16 rocket launcher, keluar dari Sauk.

Mereka mempunyai rancangan yang lain dan tujuan mereka ialah untuk mencetuskan huru-hara dengan menembak sesuatu tempat yang akan menimbulkan keraguan bahawa negara kita ini selamat. Dan mereka sebenarnya membawa M16 ini keluar dan ada juga laporan bahawa mereka menembak sebuah kuil dan menembak kilang Carlsberg tetapi mereka tidak tahu menggunakan senjata itu dengan berkesan. Jadi tidak ada apa-apa berlaku dan kerajaan mengaku kita tidak melaporkan perkara ini sehingga saya menyebut ini kerana kita tidak mahu rakyat berasa gelisah sedangkan kita mampu menanganinya.

S: Sudah dapat tangkap balik?

PM: Sudah ditangkap semuanya dan senjata itu juga sudah dapat balik oleh polis dengan cepat mengenal pasti siapa yang terbabit dan dapat menentukan di mana disembunyi senjata itu. Sebenarnya senjata itu ada di Sungai

Petani.

S: Masyarakat kita segelintirnya pelik juga. Peristiwa ini sudah pun berlalu tetapi sekarang ada yang mengatakan apa yang berlaku itu dirancang oleh kerajaan, disebut sebagai sandiwara Umno. Jadi apa sebenarnya yang berlaku kalau Datuk Seri boleh ceritakan. Apakah kerajaan terbabit dalam rompakan di Grik ini?

PM: Awal-awal lagi saya sudah sebut akan ada cubaan untuk whitewash, untuk membersihkan perbuatan jenayah ini dan sekarang kita sudah lihat. Untuk melindungi diri mereka yang secara langsung atau tidak langsung bersimpati atau terbabit dengan gerakan ini. Mereka membuat tuduhan kononnya ini dirancang oleh kerajaan. Ini adalah tuduhan yang agak pelik kerana tak masuk akal sama-sekali. Untuk merancang ini, kita perlu bekerja sama dengan penjenayah yang benci amat sangat kepada kerajaan dan menyuruh dianya membuat sesuatu yang mendedahkan dirinya kepada kemungkinan dia dibunuh atau jika ditangkap mungkin dikenakan hukuman yang amat berat sekali. Kalau kita nak suruh orang yang semacam ini membuat sesuatu untuk kerajaan, dia mestilah seorang penyokong kuat kerajaan yang betul-betul setia kepada kerajaan. Tetapi tidak ada bukti sama sekali bahawa mereka ini adalah penyokong kuat kerajaan. Sebaliknya, mereka bersimpati, ada tanda-tanda mereka bersimpati dengan parti lawan. Apakah orang daripada parti lawan akan mengorbankan diri mereka untuk kepentingan sandiwara kerajaan ini? Kita tidak boleh bersandiwara, lagi pun ini sudah membabitkan pembunuhan, penyeksaan. Ini bukanlah sesuatu yang boleh dirancang oleh orang lain untuk dilakukan oleh orang lain. Ini adalah perbuatan orang itu sendiri.

S: Datuk Seri, kononnya sandiwara ini adalah untuk memberi laluan kepada kerajaan untuk bertindak ke atas parti politik pembangkang khususnya Pas. Kononnya kerajaan hendak menggunakan peristiwa ini untuk melarang parti politik, termasuk Pas, menggunakan nama Islam pada nama parti itu. Saya ingin bertanya Datuk Seri, walaupun kerajaan ingin melarang parti politik menggunakan nama Islam, apakah perlu dicari justifikasi sedemikian rupa?

PM: Tak perlu sama sekali kerana kita sudah berkali-kali berkata penggunaan perkata Islam dalam nama parti ini mengelirukan rakyat sehingga mereka membuat tindakan yang sebenarnya tidak bijak, bahkan bertentangan dengan agama Islam. Itu kita tidak perlu mengadakan pembunuhan untuk membuat justifikasi kepada tindakan itu. Saya fikir rakyat sedar mengenai kedudukan yang sedang berlaku yang bermula sedikit saja tetapi sekarang ini sudah membesar sehingga dia menjadi satu masalah besar kepada kita. Kalau dahulu penggunaan perkataan Islam kepada parti itu tidak mempunyai banyak kesan kerana orang tahu ini adalah parti politik, bukan agama. Tetapi ini sampai kepada satu tahap yang mana parti itu berkata parti itu adalah Islam, Islam itu adalah parti. Yang bertentangan sekali dengan ajaran Islam kerana kita tahu bahawa agama di sisi Allah ialah Islam. Tidak disebut agama di sisi Allah ialah Islam dan parti tertentu. Jadi, kita sekarang sudah sampai ke tahap yang amat merbahaya yang membabitkan akidah dan juga bahaya kepada keselamatan negara.

S: Apakah kerajaan akan melarang penggunaan nama Islam pada parti politik?

PM: Kita sedang meneliti perkara ini kerana kita tidak bertindak tergesa-gesa dan tanpa alasan. Tetapi rakyat perlu tahu bahawa mereka sebenarnya terdedah kepada bahaya yang amat besar terhadap akidah mereka, kepercayaan terhadap agama Islam dan juga bahaya keselamatan kepada diri mereka.

S: Walau apa pun dakwaan yang 15 dan pengikut kumpulan itu, yang jelas sekarang mereka adalah penjenayah. Sebagai penjenayah, mereka perlu melalui proses undang-undang yang akan berakhir dengan punitive atau hukuman. Kalau ini terbatas dengan punitive saja, ia tidak memadai, apa

lagi kita dapat tahu kumpulan seperti Al-Ma'unah, bilangan sudah berpuluh-puluh. Oleh itu, barangkali perlu tindakan bersifat corrective (membetul) dan preventive (mencegah).

PM: Kumpulan yang menyeleweng daripada ajaran Islam ini dan cuba mengembangkan tafsiran mereka sendiri memang banyak dalam negara kita. Memang juga terdapat kumpulan tertentu yang mempunyai tujuan yang mungkin bawa kerosakan kepada negara. Tetapi tindakan yang diambil terhadap mereka bergantung kepada apa yang dilakukan mereka. Kalau kita dapati apa yang dilakukan atau tujuan perjuangan mereka adalah untuk merosakkan negara, kita akan ambil tindakan. Tetapi jika mereka melakukan jenayah, maka undang-undang akan berjalan seperti biasa, iaitu mereka akan dihadapkan ke mahkamah kerana melakukan jenayah. Tidak ada pilih kasih terhadap orang ini kerana yang dilakukan mereka melanggar undang-undang negara kita ini. Yang menjadi masalah kepada kita ialah ada pihak yang sementara melaungkan mereka hendak kepada rule of law, pemerintahan mengikut undang-undang, tetapi kalau undang-undang itu dikenakan kepada mereka atau orang yang disayangi oleh mereka, maka mereka tidak ingin undang-undang itu dikuatkuasakan. Ini adalah berbeza sama sekali dengan pendapat kerajaan kerana kerajaan biasa membenarkan anggota kerajaan dituduh di mahkamah sehingga dihukum mati. Kita tidak mempertahankan walaupun ini rakan karib kita. Undang-undang tidak kenal pihak lawan atau pun kawan.

S: Jika kita mendengar kenyataan menteri-menteri, terdapat banyak lagi kumpulan ajaran sesat. Untuk kumpulan lain, bagaimana kita menanganinya atau menghadapinya?

PM: Kumpulan lain kadang-kadang mereka tidak menjadi berbahaya dan kita perlu kaji kegiatan mereka, hasrat mereka, gerak-geri mereka dan sebagainya. Ada kumpulan silat, umpamanya, hanya ingin mempelajari ilmu mempertahankan diri, itu tidak salah. Tetapi kalau tujuannya lain daripada itu, itu memang salah dan kita akan ambil tindakan terhadap mereka. Tetapi kita perlu mengetahui dengan sedalam-dalamnya apa sebenarnya hasrat mereka.

S: Datuk Seri, di samping tuduhan bahawa semua ini adalah sandiwara Umno dan kerajaan kini, satu perbuatan yang lebih membimbangkan dan bahaya sedang berlaku, iaitu sudah terdapat beberapa buah masjid yang membuat sembahyang hajat dan menggunakan khutbah Jumaat untuk menuduh kerajaan yang merancang semua ini dan kerajaan berlaku zalim ke atas kumpulan Al-Ma'unah ini yang matlamatnya adalah untuk menegakkan sebuah negara Islam mengikut fahaman dia. Apa tindakan kerajaan ke atas perbuatan yang sedemikian?

PM: Perbuatan mereka ini menunjukkan bahawa mereka sebenarnya terlampau taksub dengan kumpulan mereka sehingga sanggup membelakangkan ajaran Islam yang sebenar. Kerana ini adalah satu jenayah yang diketahui umum, bukan perlu mengaku orang yang menyelidik saja yang tahu tetapi kita tahu bahawa pembunuhan sudah dilakukan, penyeksaan sudah dilakukan dan tidak harus ada sesiapa, khususnya orang Islam, yang mempertahankan orang ini. Tetapi mereka mempertahankan orang ini kerana mereka begitu sekali benci kepada kerajaan sehingga sanggup menerima jenayah sekalipun asalkan jenayah itu ditujukan terhadap kerajaan dan kita dapati bahawa cerdik pandai agama juga memberi pendapat bahawa ini adalah bertentangan dengan Islam dan mereka patut bertaubat. Namun demikian, ada orang seperti imam-imam di beberapa buah masjid yang menyebarkan macam-macam risalah ini yang mempertahankan perbuatan jenayah, iaitu mereka ini sudah masuk dalam golongan yang menghalalkan darah orang Islam lain kerana mereka mentakrifkan orang Islam lain sebagai tidak Islam. Ini adalah penyelewengan yang amat besar kerana kalau kita buat demikian, masyarakat Islam akan berpecah kerana masing-masing akan menuduh orang itu tidak Islam, orang ini tidak Islam. Sebenarnya, tidak ada hak bagi mereka untuk

mengatakan bahawa kerajaan ini tidak Islam.

S: Datuk Seri, tidakkah juga satu kesalahan jenayah mempertahankan perbuatan jenayah yang lain?

PM: Memang ia satu jenayah, bahkan kalau kita ada bersama masa sesuatu jenayah itu berlaku, kita mungkin dianggap sebagai accomplice (bersubahat) dan ini bermakna kita juga melakukan jenayah itu dan kerajaan akan mendakwa kalau pihak pendakwaraya mendapati orang yang mempertahankan orang ini sebenarnya melakukan jenayah.

S: Datuk Seri kita sudah tengok terang-terang sudah ada orang melakukan ini dan belum ada sebarang tindakan lagi diambil. Ini menghantar satu signal atau mesej yang salah kepada orang ramai.

PM: Saya amat dukacitalah kalau terlambat. Saya fikir Peguam Negara tentu akan ambil tindakan, pihak polis juga akan ambil tindakan apabila mereka mendapat (bukti) kerana mereka ini perlu mengikut langkah-langkah tertentu. Kalau tersilap langkah, maka itu dijadikan kesalahan teknik dan mahkamah akan membuang kes. Sebab itu, polis berhati-hati apabila membuat sesuatu. Mereka mestilah mengikut peraturan supaya apabila dibicarakan dalam mahkamah, tidak terjadi kes dibuang kerana technical error (kesilapan teknikal). Kita lihat banyak kes sekarang ini dibuang kerana technical error.

S: Jadi bukanlah bermakna kerajaan berdiam diri saja terhadap tuduhan liar ini?

PM: Tidak, kita tidak berdiam diri tetapi terpulang kepada pegawai juga.

S: Tetapi yang sudah jelas, Datuk Seri, yang 15 orang yang ditangkap di Sauk sudah dalam tahanan polis. Sudah tentu mereka akan diadili sebelum apa-apa hukuman dikenakan. Bila agaknya proses keadilan di mahkamah akan berlaku?

PM: Saya ingat pihak pendakwaraya dan polis sedang mengumpul segala bukti dan saksi kerana kes ini mesti dikemukakan kepada mahkamah dengan cukup lengkap. Jika tidak lengkap, maka akan ada peguam bela yang akan berjaya menimbulkan perasaan reasonable doubt (keraguan yang munasabah), iaitu ada alasan bahawa tidak cukup bukti dan dengan itu orang ini akan terlepas. Sebab itu, sebelum pergi ke mahkamah, pihak polis dan pendakwaraya mestilah mendapat semua bukti untuk menentukan kes ini mempunyai asas dan diterima di mahkamah.

S: Ini termasuk mereka yang terbabit di Sauk dan di Grik? PM: Ya, semua sekali.

S: Terdapat kesan daripada perbincangan kita ini bahawa yang penting, yang menjadi punca kepada apa yang berlaku, ialah politik membenci. Jadi, sejauh mana seriusnya politik membenci sekarang ini dan jika dibiarkan berterusan, apakah akibatnya terhadap keselamatan negara?

PM: Politik membenci ini meningkat. Pada mulanya, mungkin tak ramai yang berasa benci tetapi dengan dipupuk setiap hari oleh guru, orang politik, guru di tadika, guru dalam sekolah, guru dalam universiti, pensyarah universiti, sengaja memupuk perasan benci, dengan itu pemikiran mereka sudah tidak waras lagi. Mereka cuma meniru benci saja. Itu memanglah naluri manusia, bila dia benci, dia tak fikir lagi. Kita balik ke zaman jahiliah, kita tahu bahawa kabilah-kabilah Arab suka berperang sesama sendiri kerana mereka benci antara satu sama lain dan kebencian ini berpunca daripada kejadian yang mungkin tiga, empat generasi dahulu dan mereka tidak soal lagi. Ini adalah musuh mereka, tidak soal apa sebabnya, mereka hanya akan bermusuhan. Kita sudah sampai kepada tahap itu, iaitu ada kumpulan di Malaysia ini yang benci kepada kerajaan sehingga tidak mahu mendengar apa-apa penjelasan, hanya berasa benci walau apa pun keterangan yang kita buat mereka tolak kerana ini adalah Firaun, ini adalah Mahazalim dan sebagainya, benci saja. Kita tunjuk apa pun tak terima dah.

S: Kalau kempen membenci sudah sampai ke tahap itu, Datuk Seri, agaknya

langkah kerajaan tidak memadai dengan hanya Datuk Seri memberi sidang akhbar menjelaskannya. Barangkali ada langkah yang lebih sistematik dan teratur untuk menghadapi kempen politik begini. Barangkali langkah yang perlu mengambil kira segala segi, tidak semestinya bersifat combative (memerangi) saja. Barangkali ada langkah lain, sama ada kerajaan merancang untuk neutralise dengan cara yang lebih sistematik.

PM: Kita perlu kepada penerangan yang bertalu-talu. Mungkin kita tidak dapat menawan fikiran semua tetapi mungkin ada sebilangan yang akan menerima penjelasan. Kita akan mendekati diri dengan mereka dan bercakap dengan mereka daripada awal lagi, mungkin di peringkat sekolah. Bahkan kalau kindergarten digunakan untuk membencikan kerajaan, maka kita akan bertindak terhadap orang yang mengurus kindergarten itu. Kita akan cuba kenal pasti cara-cara yang diguna. Umpamanya sekarang ini sudah ada usaha untuk membahagikan orang Melayu kepada dua dengan menggunakan pakaian sebagai identiti. Di Mesir baru-baru ini, saya dapati bahawa orang yang benci kerajaan pakai kopiah putih, semua pakai kopiah putih. Sesiapa yang pakai kopiah hitam, kopiah biasa kita ini, itu dianggap sebagai penyokong kerajaan dan mereka itu diketepikan dan dipulaukan. Maka itu timbul ketakutan sehingga mereka terpaksa mengikut kumpulan ini. Jadi orang Melayu ini memang dari lama lagi memakai kopiah hitam, itu seolah-olah identiti bangsa kita. Tetapi usaha ini sudah berjaya membahagikan orang Melayu kepada dua, satu yang kopiah putih dan satu yang kopiah hitam. Yalah dahulu pun kita pakai juga kopiah putih tetapi bukan dengan niat membahagikan kita, cuma sesetengah orang dia pakai kopiah putih kerana dia warak, menjadi lebai umpamanya. Tetapi sekarang ini ia dipolitikkan dan ini menyebabkan orang kopiah putih ini sukar didekati. Apabila kita mendekati mereka untuk memberi penjelasan, mereka tidak begitu sanggup menerima. Ada kumpulan di Cairo, umpamanya, orang lain disekat daripada berjumpa dengan orang ini.

S: Secara bergurau, Datuk Seri, barangkali untuk mengatasi kempen itu, bagaimana dikerahkan semua ahli Umno memakai kopiah putih?

PM: Itu bermakna kita tunduk kepada mereka.

S: Bukan tunduk Datuk Seri, untuk neutralise. Bila semua orang dah pakai nanti, dengan demikian identiti kopiah putih tidak berkesan lagi.

PM: Ini apa yang dikatakan trying to outdo (cuba mengatasi) musuh dengan kita menjadi lebih daripada dia.

S: Not to out do, to confuse (Bukan untuk mengatasi, untuk mengelirukan).

PM: Bukan confuse (mengeliru) tetapi sebenarnya ini menunjukkan kita retreat (berundur). Apabila kita diserang, kita undur dan bila kita undur, orang akan serang lagi dan kita akan undur. Lama-lama kita akan jadi satu masyarakat yang akan menolak kopiah hitam yang sebenarnya menjadi identiti kita.

S: Saya hendak sambung sikit mengenai kempen benci kerajaan ini. Setakat ini, kita tahu kempen itu berlaku di luar. Saya nak tanya Datuk Seri ada tidak kempen sedemikian yang turut dilakukan dalam kerajaan sendiri atau cabang-cabang atau institusi kerajaan yang lain?

PM: Ya, ianya memang berlaku. Sebenarnya kita sudah mengisytiharkan bahawa kita akan menerapkan nilai-nilai Islam dalam kerajaan. Dengan itu, maka pegawai dan kakitangan kerajaan mengadakan syarahan-syarahan agama dan itu amat baik sekali. Tetapi mereka bukan menekankan nilai-nilai Islam yang murni seperti amanah, bertanggungjawab, berpegang kepada janji dan ikrar dan sebagainya. Sebaliknya, mereka menumpukan sedikit-sebanyak kepada bagaimana menunaikan fardu ain dan ajaran-ajaran Islam. Kemudian daripada itu, mereka langsung kepada membuat tuduhan bahawa kerajaan ini tidak Islam. Kenapa tidak Islam, kerana tidak melaksanakan hukum hudud. Daripada itu, mereka meningkat kepada peringkat yang mana

mereka berkempen menentang kerajaan, iaitu berkempen menyokong pembangkang. Jadi, sekarang ini terdapat di kalangan pegawai kerajaan juga, termasuk dalam tentera dan polis, yang sudah terperangkap dengan ini. Mereka menganggap kerajaan ini tidak Islam, jadi mereka tidak perlu memegang kepada janji mereka, sebaliknya mereka harus berusaha menjatuhkan kerajaan ini. Ini dilakukan kerana kita berniat baik untuk mengembangkan nilai-nilai Islam di kalangan pegawai kerana kita percaya benar kalau kita berpegang kepada nilai Islam, nescaya kerajaan ini akan menjadi cukup kuat dan cukup kukuh dan boleh memajukan umat Islam di Malaysia. Tetapi mereka sudah putar perkara ini dan ia menjadi satu usaha untuk memburukkan kerajaan dan menentang kerajaan.

S: Jadi maknanya dasar penerapan nilai Islam sudah disalahgunakan pihak tertentu dan kerajaan seolah-olah berdiam diri. Jadi apa yang akan dibuat kerajaan untuk memperbetulkan keadaan supaya mereka kembali ke ajaran Islam yang sebenar?

PM: Sekarang ini kita melarang kelas-kelas, syarahan-syarahan seperti ini kerana ia bukan lagi syarahan agama, ia menjadi syarahan politik. Yang diharamkan ialah syarahan politik, bukan syarahan agama. Kita akan ada syarahan agama secara tersusun di masa kerja, mungkin dalam dua minggu sekali akan ada syarahan agama yang sebenar, berkenaan fardu ain, fardu kifayah, berkenaan dengan tafsiran Quran, apa yang ada kaitan dengan tugas mereka. Ini akan dibuat secara tersusun oleh kerajaan. Syarahan yang berbentuk politik tidak akan diadakan.

S: Datuk Seri, walaupun kerajaan akan melaksanakan semua itu tetapi yang saya nampak yang jadi masalah ini ialah orang lebih tertarik mendengar ceramah agama di sebelah pihak yang satu lagi. Ceramah yang diadakan pihak kerajaan selalunya kurang mendapat sambutan. Itu masalah asas yang perlu dibetulkan dulu.

PM: Memang manusia ini dia suka dengan benda-benda yang memburukkan orang lain kerana apa yang dikatakan oleh Mat Salleh, feel good. Bila kita nampak orang lain buruk, kita rasa kita lebih baik. Jadi sebab itu mereka suka mendengar syarahan-syarahan seperti ini. Sebaliknya, bila kita bersyarah untuk memperbaiki dia, itu tidak begitu diminati. Sebab itu, kita kadang-kadang berasa kecewa melihat bagaimana begitu ramai orang suka mendengar syarahan yang betul-betul mengembangkan fitnah dan pembohongan berkali-kali, benda yang bohong. Orang itu bohong hari ini dan kita tunjuk kata dia bohong, esok dia cerita lain dan orang percaya lagi. Umpamanya, saya jatuh kuda di Argentina, macam-macamlah lagi. Dulu ada sebut saya ada kahwin seorang perempuan Cina daripada Singapura. Sekarang pun orang tahu ini tidak benar tetapi orang itu cerita lagi sekali diterima juga. Seronok nak dengar keburukan orang.

S: Iktibar yang kita boleh pelajari daripada Sauk saya lihat daripada banyak sudut, sudut keselamatan, sudut ancaman terhadap keselamatan negara, memperkemas diri mengenai dakwah. Menurut perhitungan Datuk Seri, apakah iktibar yang paling besar yang kita pelajari daripada Sauk?

PM: Yang pertamanya kita sudah tahu bahawa keburukan akan berlaku dengan menyebarkan fitnah, dengan menimbulkan perasaan benci, perasaan marah kepada kerajaan. Kita sudah tahu dan kita sudah sebut berkali-kali. Sekarang ini ianya sudah berlaku, iaitu ada orang yang terpengaruh dengan perasaan ini sehingga dia sanggup membunuh, menyeksa orang. Jadi, pengajaran yang kita dapati ialah kita tidak boleh benar sesuatu itu diteruskan sedangkan kita tahu ia akan membawa keburukan. Kita awal-awal lagi mengatakan bahawa pemupukan perasaan benci semata-mata untuk mendapat sesuatu kepada diri kita adalah tidak baik. Penyalahgunaan agama, penyalahafsiran terhadap agama dengan berkata bahawa kalau buat ini boleh pergi ke syurga dan sebagainya, ini semua tidak baik dan kita larang. Tetapi kita dapati ramai yang tidak mahu terima apa yang kita kata.

Pelajaran yang kita dapat ialah kita perlu mendengar benda yang benar dan patuh kepada yang benar. Kalau Islam kata kita perlu sederhana, tidak paksa, tidak boleh bertindak ganas terhadap orang, tidak boleh mencetuskan huru hara, kita patut pegang kepada ajaran Islam. Yang menjadi masalah ialah ramai yang bercakap mengenai Islam tetapi tidak patuh kepada ajaran Islam.

S: Maaf, Datuk Seri, soalan saya ini ada berbau akademik sedikit. Kita perhatikan bila berlaku perkara begitu, ini bukan perkara yang `unidimensi`, ini adalah peristiwa yang `multidimensi`. Jadi barangkali penyelesaiannya tidak dapat diadakan dalam satu bentuk saja. Tidakkah kerajaan patut juga mengadakan keutamaan kepada penyelidikan sains sosial kerana kecenderungan kita kepada sains dan teknologi sehingga kita mengabaikan penyelidikan sains sosial sehingga pelajar yang bagus kita salur kepada sains dan teknologi dan kita biarkan aliran sains sosial ditangani pelajar yang second rating sedangkan masalah ini adalah masalah sosial yang sangat besar. Jadi, sama ada kerajaan akan meminta ISIS atau IKIM atau ahli sosial sains di pusat pengajian tinggi dan malah dari luar negeri untuk mengadakan penyelidikan mengenai perkara seperti ini.

PM: Ya, saya bersetuju supaya kita adakan kajian secara terasing, kita tidak terbabit secara langsung cuma berpegang kepada fakta saja. Untuk mengetahui apa sebenar yang berlaku, apakah pemikiran yang membawa kepada kejadian seperti ini. Tetapi kejadian seperti ini hendaklah bertujuan untuk memberi panduan kepada kita, bukan sebagai satu tesis untuk mendapat doctorate saja tetapi ianya boleh digunakan oleh kita. Kita mempunyai ramai juga daripada orang kita yang masuk dalam bidang sains sosial ini.

Tidak boleh kita kata tak ramai walaupun kita memang berkehendak cerdik pandai kita menumpukan kepada sains dan teknologi tetapi kita memberi tempat juga kepada mereka yang mempelajari dalam bidang sains sosial kerana kita ingin tahu bagaimana menangani masalah dalam masyarakat kita tanpa kajian oleh orang yang tidak terbabit secara langsung, kita mungkin dapati pandangan yang bias (berat sebelah), yang mirip kepada orang yang menulis. Umpamanya, dia menulis untuk partinya, maka pandangannya dipengaruhi oleh partinya dan ini tidak lagi merupakan apa yang benar. Jadi, akademik punya role (peranan) memang perlu diadakan dalam perkara ini.

(END)